

01/11/1997

Eksport ke Croatia meningkat RM49.5j

Azhar Abu Samah

EKSPORT Malaysia ke Croatia dijangka meningkat sekali ganda daripada RM23.1 juta (AS\$7 juta) tahun lalu kepada RM49.5 juta (AS\$15 juta) tahun ini, kata Penolong Menteri Ekonomi Croatia, Neven Mimica.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan Croatia yang kurang berpuas hati dengan imbalan perdagangan yang memihak kepada Malaysia, akan memastikan kedudukan itu diperbaiki selepas Penerbangan Malaysia (MAS) memperkenalkan laluan baru ke Zagreb melalui Vienna, tidak lama lagi.

Beliau yang menegaskan Croatia hanya mengeksport keluarannya bernilai kira-kira RM16.5 juta (AS\$5 juta) tahun lalu, akan meningkatkan eksport peralatan elektrik, bahan binaan, produk farmaseutikal dan perkhidmatan ke Malaysia, mulai akhir tahun ini.

Croatia mengimport kebanyakannya produk berasaskan getah, elektrik, elektronik, pendingin hawa, kereta nasional Proton dan tekstil dari Malaysia.

Jumlah dagangan Malaysia-Croatia meningkat sejak lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad April tahun lalu, iaitu daripada RM20.82 juta (AS\$6.31) juta pada 1995 kepada RM33.9 juta (AS\$10 juta) tahun lalu.

"Malaysia dan Croatia sudah memeterai perjanjian perdagangan pada 1995 dan ketika ini, kedua-dua pihak akan menyelesaikan perbincangan mengenai perjanjian cukai berganda," katanya kepada wartawan Malaysia di Kedutaan Ekonomi Croatia di Zagreb, semalam.

Beliau mengakui Malaysia sebagai rakan kongsi perdagangan penting Croatia ketika ini bagi membolehkan negaranya menembusi pasaran Asia Timur dan menjalinkan perkongsian strategik dengan syarikat Malaysia di negara ketiga.

Mimica berkata, Croatia bermatlamat meningkatkan hubungan dagang secara jangka panjang dengan usahawan Malaysia terutama dengan menjadikan Croatia sebagai pangkalan operasi mereka untuk menembusi pasaran Eropah Tengah dan Eropah Timur.

"Croatia menawarkan diri sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah dan sedia menawarkan Zon Perdagangan dan kemudahan pergudangan kepada usahawan Malaysia yang berminat melabur di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kesediaan MAS menyediakan perkhidmatan terus Kuala Lumpur-Vienna-Zagreb dua kali seminggu yang bermula dua hari lalu dilihat sebagai pembuka ruang kepada pelabur dari kedua-dua negara untuk menggiatkan peluang pelaburan di Kuala Lumpur dan Zagreb.

Croatia juga katanya, mempelawa pelabur Malaysia menjalinkan usaha sama dalam sektor pelancongan di negara itu terutama dalam membina semula hotel atau meningkatkan kemudahan hotel di 1,185 pulau di sekitar Laut Adriatik.

Sementara itu, Kuasa Usaha Malaysia di Zagreb, Ramlan Ibrahim berkata, jumlah dagangan di antara Malaysia dengan Croatia dalam tempoh 10 bulan tahun ini sudah mencapai angka RM33.9 juta (AS\$10 juta).

"Kita menjangka angka ini akan meningkat dengan bermulanya perkhidmatan penerbangan MAS menggunakan pesawat B-777 ke Croatia, semalam," katanya yang menyifatkan negara itu sebagai penting untuk pelaburan Malaysia di Eropah.

Pesawat B-777 MAS mendarat secara rasmi di Zagreb, Croatia pada 29 Oktober lalu dengan membawa 125 penumpang kira-kira jam 8.10 pagi (waktu tempatan) atau 2.10 petang waktu Malaysia dengan diketuai Naib Presiden Kanan (Operasi Penerbangan) MAS, Dr Mohamadon Abdullah.

(END)